

Cukai Pendapatan: Juga Untuk Generasi Muda

Generasi muda kini lebih berminat untuk memulakan perniagaan sendiri. Kemahiran dalam sesuatu perniagaan yang dipilih serta kecekapan dalam dunia digital merupakan antara faktor kejayaan mereka sehingga berjaya meraih pendapatan lumayan. Menerusi laman media sosial, golongan ini banyak berkongsi kehidupan mewah yang dimiliki hasil daripada kejayaan dan keuntungan dalam perniagaan masing-masing.


Perkongsiannya sebegini bagus sebagai inspirasi kepada generasi muda yang lain untuk sama-sama mencipta kejayaan. Namun, dari sisi lain pula, ianya dilihat berlebihan dengan kemewahan terutamanya kepada yang tidak berkemampuan. Jadi, tidak salah sekiranya keuntungan perniagaan tersebut dikongsi bersama melalui cukai yang dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Bak kata pepatah, “Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”.

Berdasarkan kepada Bajet Kerajaan Persekutuan 2022 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, kutipan cukai pendapatan merupakan sumber kewangan negara yang tertinggi peratusannya iaitu 35.7% berbanding sumber-sumber lain seperti cukai tidak langsung, cukai langsung lain, hasil bukan cukai serta pinjaman dan penggunaan aset kerajaan. Dengan sumber kewangan inilah Kerajaan menggunakannya untuk perbelanjaan pembangunan dan mengurus negara.

Sama-sama kongsi rezeki

Jika semua individu yang berniaga ini melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar cukai, sudah pasti lebih banyak cukai pendapatan dapat dikutip dan memberi lebih banyak manfaat kepada rakyat Malaysia. Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan yang besar demi memastikan kemakmuran negara dan rakyat. Ketika negara diuji dengan wabak COVID-19, dari mana datangnya sumber kewangan Kerajaan untuk mewujudkan fasiliti khusus bagi merawat pesakit-pesakit COVID-19 jika bukan daripada cukai pendapatan yang dibayar oleh pembayar cukai. Bukan itu sahaja, hasil kutipan cukai ini juga telah membantu golongan kurang bernasib baik apabila banyak syarikat dan perniagaan-perniagaan kecil terpaksa gulung tikar. Banyak bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan termasuklah Bantuan Khas


COVID-19, Geran Khas Prihatin dan banyak lagi. Inilah yang dikatakan sebagai sama-sama kongsi rezeki.



Cukai pendapatan ialah sumber pendapatan tertinggi negara yang digunakan untuk perbelanjaan pembangunan dan mengurus.

Baru-baru ini tular di laman media sosial, seorang suami terkejut apabila hanya perlu membayar kos perubatan isterinya yang berjumlah kurang daripada RM20 walaupun isteri beliau telah dirawat lebih dari tiga hari di sebuah hospital kerajaan. Orang ramai turut berkongsi pengalaman yang sama di ruangan komen pada hantaran tersebut.

Terima kasih pembayar cukai kerana sumbangan mereka telah membantu meringankan beban kewangan orang lain.



The image shows a medical bill with a table of charges and a total amount. A hand is pointing to the 'Jumlah Subsidi Kerajaan' (Government Subsidy) amount of 350.00. The bill lists various medical procedures and their costs, including a registration fee and a subsidy.

Item	Quantity	Unit Price	Total Price	Subsidy
HUMERUS LEFT	1	350.00	350.00	75.00
05 - PROCEDURE				
CLOSE MANIPULATIVE REDUCTION - UL	1	1,200.00	1,200.00	1,200.00
MAC CHARGE				
MAC CHARGES	4	30.00	120.00	120.00
REGISTRATION FEE				
CAJ RAWATAN	4	15.00	60.00	60.00
JUMLAH KOS SEBENAR				2,875.00
JUMLAH AMAUN DICAJKAN				1,800.00
AMAUN CAGARAN				100.00
AMAUN BILL SEMASA				1,800.00
AMAUN DIKECUALIKAN				0.00
BAYARAN TELAH TERIMA				0.00
JUMLAH SUBSIDI KERAJAAN				350.00
AMAUN PERLU DIBAYAR/(PULANGAN) (Bil Semasa + Tunggakan)				1,875.00
AMAUN TUNGGAKAN				0.00

Rakyat dapat menikmati subsidi hasil sumbangan pembayar cukai. (Foto kredit kepada video "Terima Kasih" di LhdnTube)

Influencer Media Sosial Juga Dikenakan Cukai

Cukai pendapatan individu ke atas perniagaan bukan hanya kepada mereka yang berniaga secara tetap atau sambilan, secara konvensional atau dalam talian, malah, profesion seperti doktor yang membuka klinik sendiri, peguam yang memiliki firma guaman atau akauntan dengan firma perakaunan sendiri juga turut dikenakan cukai.

Ada lagi kerjaya yang dikenakan cukai di bawah kategori **Individu Berpendapatan Perniagaan** iaitu **influencer**. Kerjaya sebagai seorang **influencer** di media sosial bukan sesuatu yang baharu kerana ramai generasi muda telah berkecimpung dalam bidang ini dan meraih pendapatan sehingga lima angka sebulan.

Berdasarkan kajian oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada 29 Disember 2020, hampir 90% daripada rakyat Malaysia mempunyai telefon pintar dan akses kepada internet. Ini memberi idea kepada syarikat atau perniagaan untuk mempromosikan produk mereka secara dalam talian yang lebih dekat dengan pengguna serta murah berbanding pengiklanan di media cetak, radio dan televisyen. Di sinilah bermulanya kerjasama di antara syarikat dan **influencer** media sosial untuk

mengiklankan produk. *Instafamous, Youtubers, Tiktokers* dan banyak lagi istilah lain yang digunakan. *Influencer* yang mempunyai ramai pengikut ini kebiasaannya akan menerima bayaran lumayan daripada pengiklanan tersebut. Pendapatan yang diterima ini adalah dikenakan cukai dan mereka perlu mendaftar dengan LHDNM sebagai pembayar cukai.

Senarai pendapatan lain yang boleh dikenakan cukai bagi kategori individu boleh dirujuk di www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Individu > Pengenalan Cukai Pendapatan Individu > Bila Dikenakan Cukai.

Dah layak bayar cukai, apa perlu dilakukan?

Daftar fail cukai pendapatan sebaik sahaja perniagaan dimulakan kerana individu berpendapatan perniagaan ini secara automatiknya layak membayar cukai tanpa mengira jumlah minimum pendapatan tahunan. Jika belum ada Nombor Cukai Pendapatan, daftar secara dalam talian menerusi aplikasi e-Daftar di <https://edaftar.hasil.gov.my/> dan pilih Borang Pendaftaran *Online*. Nombor Cukai Pendapatan boleh diperoleh dalam tempoh tiga hari bekerja selepas permohonan dibuat.

Jom lapor pendapatan perniagaan bagi tahun 2021 dalam Borang B di <https://mytax.hasil.gov.my/> dengan menggunakan e-Filing dan bayar cukai pendapatan melalui ByrHASiL mulai 1 Mac 2022 sehingga 30 Jun 2022. Sebagai pengguna e-Filing, tambahan masa diberikan sehingga **15 Julai 2022** untuk lapor dan bayar cukai pendapatan.



Sebagai pengguna e-Filing, tambahan masa diberikan sehingga 15 Julai 2022 untuk lapor dan bayar cukai pendapatan.

Kurang faham tentang cukai, nak rujuk di mana?

Ramai pembayar cukai baharu yang tahu tentang tanggungjawab mereka untuk membayar cukai. Walau bagaimanapun, mereka kurang faham tentang cukai dan memerlukan khidmat nasihat percukaian. Jangan risau kerana anda boleh mendapatkan khidmat nasihat tersebut menerusi sesi taklimat oleh HASiL yang dilaksanakan secara berkumpulan sama ada mewakili syarikat, persatuan dan lain-lain. Sesi taklimat boleh dijalankan secara bersemuka di premis anda atau secara dalam talian menggunakan webinar dengan menghantar permohonan menerusi emel ke taxeducation@HASIL.GOV.MY.

Fahami apa itu cukai dan kepentingannya kepada negara dan rakyat. Laksanakan tanggungjawab sebagai pembayar cukai dengan sebaik mungkin demi menjamin kemakmuran dan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Disediakan oleh:
Seksyen Penerbitan dan Publisiti | Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia
Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
ArtikelCukai2022/nnas